



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA



TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN
HAL EHWAL PENGGUNA**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN
“GOLDEN GENERATION THANK YOU MEMBER DAY”
AEON BIG (M) SDN. BHD.**

PADA

22 JULAI 2019

BERTEMPAT DI

**AEON BIG KEPONG,
KUALA LUMPUR**

(Salutasi)

Bismillahirrahmannirrohim.

Assalamualaikum W.B.T.

Salam Sejahtera dan Koni Chi Wa (Good Afternoon)!

Pertamanya marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaan-Nya diizinkan kita berkumpul untuk bersama-sama meraikan **Majlis Pelancaran Program “Golden Generation Thank You Member Day”** di AEON Big Kepong.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

Seperti yang telah maklumkan oleh Mr. Masuda di dalam ucapannya sebentar tadi, program ini adalah satu program yang murni dan ianya disambut baik oleh pihak Kementerian. Inisiatif ini adalah salah satu tanggungjawab sosial AEON Big yang dapat memenuhi keperluan isi rumah yang kurang berkemampuan.

Golongan warga emas adalah golongan yang penuh dengan pengalaman hidup, pengetahuan yang luas dan mereka layak menerima penghormatan yang sebaiknya. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Malaysia, populasi Malaysia bagi suku pertama tahun 2019 adalah dianggarkan seramai 32.66 juta orang. Berdasarkan jumlah tersebut, 6.6% daripadanya adalah merupakan golongan warga emas. Ini bermakna sekurang-kurangnya 2 juta rakyat Malaysia akan menerima manfaat daripada inisiatif murni ini.

Sejak hari pertama saya mengemudi Kementerian ini, saya telah menyatakan bahawa Kementerian ini bertanggungjawab secara langsung dengan isu-isu berkepentingan kepada rakyat seperti kestabilan harga barang, kos sara hidup dan seumpamanya. Oleh itu, saya amat menggalakkan pasar raya-pasar raya atau pemain industri lain agar dapat memperbanyakkan penganjuran program sebegini bagi membantu mengurangkan bebanan rakyat.

Sektor peruncitan merupakan antara penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Kajian yang dilakukan oleh **Malaysia Retailers Association (MRA)** menunjukkan **industri sektor peruncitan negara meningkat sebanyak 3.8%** pada **suku pertama 2019** berbanding tempoh yang sama pada tahun lalu hanya sebanyak 2.6%.

Menurut Jabatan Statistik Malaysia pula, sektor perkhidmatan merupakan **penyumbang paling besar kepada KDNK Negara**. Setakat **suku pertama tahun 2019**, sektor perkhidmatan telah **menyumbangkan 57% kepada KDNK** dan Subsektor Borong dan Runcit merupakan momentum pertumbuhan utama kepada sektor perkhidmatan. Pada masa yang sama, borong dan runcit telah mencatatkan **nilai jualan sebanyak RM321.8 billion** dan melibatkan lebih kurang **1.8 juta tenaga kerja** secara keseluruhan.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia juga, ekonomi Malaysia mencatatkan peningkatan sebanyak 4.5% lebih tinggi berbanding unjuran pasaran 4.3% bagi suku pertama tahun 2019.

Namun begitu, rakyat masih rasa tertekan kerana **peningkatan pendapatan yang tidak selari dengan kenaikan kos sara hidup**. Kerajaan sedar akan peningkatan kos sara hidup yang semakin meningkat pada masa sekarang. Cetusan idea oleh AEON Big bagi penganjuran program ini adalah satu inisiatif yang patut dibanggakan dan dijadikan contoh oleh pengendali pasar raya yang lain.

Saya amat menghargai kerjasama dan komitmen yang diberikan oleh pihak AEON Big untuk sama-sama membantu rakyat mengurangkan kos sara hidup dan mengharapkan usaha sebegini berterusan demi kepentingan rakyat yang juga adalah golongan pengguna/pelanggan.

Saya dimaklumkan bahawa AEON Big telah melakukan banyak usaha untuk membantu memenuhi keperluan pengguna seperti Kempen Penurunan Harga dan Kad Keahlian Aeon Big di mana 5% akan diberi kepada ahli pada 28 haribulan setiap bulan. Walaupun nilai tersebut nampak sedikit, tetapi ia tetap memberikan kelebihan kepada pelanggan. Impaknya adalah besar kepada pembeli setelah diambil kira kos lain-lain seperti pengangkutan dan pembelanjaan merancang secara jangka panjang.

Para hadirin yang dihormati,

Pihak Kementerian telah melancarkan pelbagai inisiatif bagi meringankan bebanan rakyat, khususnya memastikan harga barangan mentah kekal berpatutan, memastikan bekalan adalah mencukupi serta memantau peniaga bagi mengelakkan mereka menaikkan harga barang sewenang-wenangnya.

Pihak Kementerian memandang serius perkara ini kerana ia melibatkan kepentingan pengguna. Tanggungjawab peniaga bukan sahaja menjadikan perniagaan mereka berdaya saing dan maju ke hadapan, peniaga juga haruslah menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang mampu memberi keselesaan kepada pengguna dan secara tidak langsung mewujudkan situasi menang-menang (*win-win situation*). Setiap sen yang dibelanjakan itu merupakan penyuntik kepada ekonomi negara.

Sebagai sebuah entiti korporat, AEON Big menunjukkan inisiatif yang positif dan sejajar dengan dasar pembangunan dan kemajuan Malaysia. Saya harap program seperti ini akan diteruskan di masa hadapan. Kita semua boleh mengambil contoh dan teladan dari sini dan cuba untuk menerapkan sifat prihatin terhadap pengguna.

Tambahan lagi, dalam konteks isu kos sara hidup ini, semua pihak tidak kira individu, kerajaan, sektor swasta mahupun badan bukan kerajaan harus memainkan peranan masing-masing serta berganding bahu bagi menangani impak yang dibawa dari peningkatan kos sara hidup. Bak kata pepatah "*bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat*".

Para hadirin yang dihormati,

Saya juga diberitahu **AEON Big bersama-sama dengan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)** amat menggalakkan pesara untuk meneruskan kehidupan aktif dan telah **melancarkan program Faktor Umur Bukan Penghalang** bagi memberikan peluang kepada semua pesara yang berkecayaan dan berminat untuk bekerja semula. Saya

percaya mereka akan dapat terus menyumbang dan membangunkan komuniti dengan pengalaman yang mereka ada dan meningkatkan mutu kehidupan mereka.

Bagi mengimbangi kos tanggungan yang tinggi, pesara adalah digalakkan supaya terus aktif dan kekal dalam sistem tenaga kerja agar dapat menyumbang kepada KDNK dan hasil cukai negara. Secara tidak langsung, industri khususnya sektor perkhidmatan juga dapat mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dengan kehadiran pekerja warga emas.

Hal ini saya lihat sendiri semasa lawatan kerja saya ke Tokyo, Jepun pada tahun lepas (2018), di mana ramai warga emas di sana yang masih bekerja dalam pelbagai sektor dan masih boleh memberikan sumbangan kepada ekonomi Negara Matahari Terbit tersebut. Perkara ini saya rasa tidak mustahil untuk dilaksanakan juga di Malaysia.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan ribuan terima kasih dan juga mengucapkan tahniah kepada pihak AEON Big atas kejayaan mereka menanjurkan program pada hari ini. Saya berharap kerjasama industri dengan pihak kerajaan dapat dilakukan dengan lebih erat lagi pada masa hadapan.

Dengan lafaz bismillahhirahmanirrahim dengan ini saya merasmikan **Pelancaran Program “Golden Generation Thank You Member Day” AEON Big!**

Wabillahi taufik walhidayah. Wasalamualaikum warahmatullah.